


KEWAJIPAN DAN TANGGUNGJAWAB

Oleh : Mahmud bin Abdul Wahab

ORANG-ORANG POLIS

Berhubung dengan terduganya kedudukan orang-orang polis di Singapura khususnya yang terbabit daripada rusuhan pada bulan Disember tahun yang lalu maka kita berasa mustahak menyiarkan suatu makalah yang berkenaan dengan “kewajipan dan tanggungan orang-orang polis” bagi keluaran menyambut ulang tahun majalah Qalam ini maka kita telah bersyukur mendapat suatu makalah yang ditulis oleh orang yang berpengalaman di dalam kehidupan orang-orang polis yang menulis makalah ini iaitu A. Mahmud bin Abdul Wahab ASP pensioner yang sudah tentu pendapatannya dan fikiran adalah sangat berguna bukannya sahaja kepada orang-orang polis tetapi juga kepada orang ramai kerana pekerjaan orang-orang polis itu adalah sentiasa berkenaan dengan orang ramai – P.



Orang-orang polis yang berjasa tentulah jasa-jasanya tidak akan dilupakan oleh kerajaan. Gambar menunjukkan STB Sarjan Abdul Latif telah menerima sebuah pingat perkhidmatan lama daripada tuan yang terutama Gabenor pada penghujung bulan Mei yang lalu. – Gambar Singapura Standard.

KELAKUAN DAN PERANGAI YANG BAIK

Orang-orang polis itu ialah suatu kumpulan yang bertanggungjawab di dalam sesebuah negeri atas keamanan dan kesejahteraan negeri itu. Dengan ringkasnya bahawa mereka itu ialah suatu pertubuhan yang mustahak adanya diletakkan peraturan kepada mereka dan diwajibkan atas mereka hendaklah taat dan setia kepada pekerjaannya dan kepada kerajaannya. Demikian itu juga keadaannya, dengan tidak berbeza bagi orang-orang polis di Singapura ini. Mereka itu hendaklah taat dan setia kepada kerajaan.

Tiap-tiap seorang polis atau pengawal keamanan itu hendaklah ingat bahawa di dalam jawatannya sebagai seorang polis itu ia menerima amanah yang diletakkan oleh kerajaan ke atas bagi mengawal dan menjaga keamanan dan kesejahteraan di dalam negeri ini dengan sempurna dan dengan setia serta tidak dengan cuai walau sedikit pun. Amanah inilah yang mesti diingat oleh masa supaya ia menjadikan dirinya orang yang masuk di dalam perkara itu. Pekerjaan yang diamanahkan oleh kerajaan itu kepada



Sebahagian daripada kadet-kadet yang dilatih iaitu daripada kebanyakan daripada Orang-orang yang dilatih daripada kecilnya supaya menjadi orang-orang polis yang mahir dan tahu adab sopan santun di dalam pergaulan orang ramai – Gambar Singapura Standard.

-----*-----*-----

mereka dengan sifat mereka sebagai kakitangan kerajaan maka hendaklah mereka menjalankannya dengan mengikut peraturan-peraturan yang ditentukan untuk mereka kerana dengan menyempurnakan segala tanggungan-tanggungan mereka mengikut kaedah amanah yang diletakkan kepada mereka maka sudah tentu kesempurnaan itu membawa nama baik kerja kepada orang ramai dan demikian juga sebaliknya kecuai dan keteledoran mereka akan membawa cela bukan sahaja kepada jabatan mereka tetapi juga baik nama kerajaan.

Dengan demikian maka tiap-tiap anggota orang-orang polis daripada mata-matanya membawa kepada pegawai-pegawainya itu hendaklah mereka itu menunjukkan dan melakukan perangai-perangai, kelakuan-kelakuan, adab tertib dan tutur kata yang baik kepada orang ramai sama ada dalam masa mereka menjalankan kewajipan ataupun di luar daripada kewajibannya. Mereka jangan sekali-sekali berlaku

kasar dan menunjukkan kekasaran dan kekeluparan kepada orang ramai.

Menurut pendapat dan pengalaman saya maka tiga perkara yang mustahak diperhati dan dijaga oleh orang-orang polis yang menjadi suatu pekerjaan mereka yang utama iaitu :

- (1) Menjaga keamanan
- (2) Mencari dan membawa orang-orang yang melakukan kesalahan ke hadapan mahkamah, dan
- (3) Menjaga harta benda orang ramai daripada diganggu atau dicuri dan keselamatan diri dan jiwa orang ramai.

Untuk menjalankan ketiga-tiga perkara yang tersebut ini tiap-tiap seorang daripada mereka itu hendaklah berlaku lurus dan tidak membeza-bezakan di antara orang-orang miskin dan kaya, di antara kuli dengan taukeh dan yang mustahak sekali di dalam perkara ini hendaklah ia adil di dalam menjalankan segala langkah-langkah kewajibannya.

Kebiasaannya yang mengawal jalan-jalan raya ialah mata-mata dan ketua-ketuanya. Mereka itu mesti ingat bahawa dalam masa itu, dalam masa mereka menjalankan pekerjaannya, pegawai-pegawainya tidak ada di situ dan sekiranya mereka tidak menjalankan pekerjaan mereka mengikut undang-undang dan tidak adil serta mengikut kemahuan dan hawa nafsunya semata-mata maka sudah tentu perbuatan mereka itu akan mencemarkan umum nama orang-orang polis dan disebalik itu kesannya menoda pula nama baik kerajaan dengan langkah-langkah ini maka maksud-maksud polis yang tertentu bagi mengawal keamanan negeri itu tidak dapat tercapai dan binasa.

Selain daripada itu seseorang itu hendaklah ada mempunyai sifat tenang dan sabar terutamanya di dalam masa menjalankan tanggungan dan kewajibannya. Umpamanya – di dalam masa

Ia menjalankan tanggungan dan kewajipannya itu ia bersua dengan seseorang yang mabuk di jalan raya apabila ia menangkapnya maka tentulah orang yang mabuk itu pada lazimnya memaki dan menghamunnya dan terkadang-kadang memberontak dengan kerana mabuknya itu dengan kelakuan-kelakuannya itu, sekalipun kasar orang polis yang menjalankan kewajipannya itu tidaklah mesti marah atas perbuatannya itu dan tidak pula semesti memukul kepadanya oleh kerana orang yang mabuk itu sudah tentu akal dan fikirannya yang sempurna tidak ada lagi. Ia hendaklah dilayan dengan baik dan dengan sabar yang tepat dan dengan yang demikian itulah sempurna kewajipannya atas tanggungannya.


Demikian juga apabila di dalam masa ia menjalankan kewajipannya di jalan-jalan raya apabila mendapati atau hendak menangkap penjual-penjual yang menutup jalan-jalan raya itu maka wajib baginya lebih dahulu mengingatkan dan menyuruh penjual-penjual itu berjalan daripada tempatnya itu dan sekiranya ia enggan kepada amaran-amaran yang diberi maka baharulah ia boleh ditangkap tetapi tatkala melakukan tangkapan itu janganlah bakul orang ditendang, salah seorang terbalik, kemas orang pecah dan sebagainya yang menimbulkan geram kira kepada penjual-penjual itu yang demikian itu tidak dikehendaki oleh kerajaan dan tidak digemari oleh orang ramai bahkan orang ramai akan mengutuk jawatannya itu adalah menghendaki supaya di antara orang ramai dan polis ada mempunyai muhibah dan kasih sayang.

Dengan tutur kata yang molek dan muka yang manis serta kelakuan yang sopan itulah sahaja orang-orang polis dapatlah memberi cukup puashati kepada orang ramai sama ada

yang membuat kesalahan atau pun tidak dan dengan jalan inilah sahaja mereka itu boleh mengharumkan nama polis dan boleh mendapat kepercayaan yang cukup daripada orang ramai kepada mereka.

Tetapi sekiranya mereka terpaksa menggunakan kekerasan kepada orang-orang yang salah maka kekerasan itu diadakan hendaklah memadai hanya sebagai menakutkan atau menahan penjahat-penjahat itu daripada membinasakan atau merosakkan dirinya orang-orang polis. Semua orang mengetahui bahawa undang-undang British itu cukup adil tetapi terkadang-terkadang undang-undang itu menjadi tidak adil oleh kerana orang-orang yang diamanahkan oleh kerajaan menjalankan undang-undang itu.

Saya berani berterus terang berkata bahawa tidak ada suatu undang-undang yang diperbuat dan diperundang-undangkan dalam negeri ini ada menunjukkan sifat-sifat kekerasan atau



Tuan Yang Terutama Gabenor sedang memeriksa barisan kawalan kehormatan daripada pasukan kadet polis tatkala diadakan istiadat menyampaikan hadiah-hadiah pingat pada penghujung bulan Mei yang lalu. Di tempat latihan polis di Thousand Road Singapura. Lihatlah bagaimana sajaknya anak-anak kita yang bakal menjadi menjadi pegawai keamanan itu – Gambar Singapura Standard.

kebegisan kepada orang ramai. Cuba perhati jika seseorang ditangkap dan dituduh melakukan bunuh, jika orang itu tidak mempunyai wang dan harta maka untuk keselamatan dirinya kerajaan mengeluarkan wang memberinya seorang peguam bagi membela dirinya atas tuduhan itu, benar atau tidak. Kita telah mengetahui bahawa undang-undang kerajaan sebagaimana adilnya maka mengapa kita tergamak hendak membuat apa-apa jua yang tidak munasabah dan tidak mengikut undang-undang dalam masa kita menjalankan kewajipan kita”!

Orang-orang polis mesti ingat dan cukup mengetahui bahawa tiap-tiap seorang yang tidak masuk menjadi kakitangan orang polis itu tidak terus diterima begitu sahaja. Ia hendaklah dihantar lebih dahulu ke sekolah latihan polis supaya di sana diajar cara-caranya menjalankan kerja terhadap kepada orang ramai dan mempelajari undang-undang yang wajib diketahui serta mempelajari adab dan sopan santun serta kelakuan mereka tatkala berhadapan nanti kepada orang ramai menjalankan kewajibannya. Dengan pengajaran-pengajaran yang demikian inilah mereka dikehendaki apabila keluar daripada tempat latihan itu melakukan kepada orang ramai dengan menjauhi sama sekali kepada sifat-sifat yang kasar dan celupar tatkala berhadapan dengan mereka itu supaya dipercayai dan dipandang oleh orang ramai.

Juga mustahak diketahui bahawa tiap-tiap seorang yang hendak masuk bekerja di dalamnya hendaklah diambil cap jarinya supaya diketahui dengan yakin bahawa ia orang baik dan tidak daripada kumpulan orang-orang jahat dan sudah didapati semua keterangannya yang sempurna baharulah ia diterima menjadi hal pasukan polis itu.

Tidak lupa di sini saya menyatakan bahawa orang jahat itu sekarang ini sangat melampau sehingga dengan kejahatan mereka itu telah membunuh dan membinasakan banyak orang-orang polis tetapi disebalik itu hendaklah diingat bahawa kepada mereka itu telah diajar bagaimana orang-orang polis hendak melawannya tetapi

itupun jauh sekali daripada melakukan kebangsaan dan kebuasan mereka hanya disuruh melakukan yang berpatutan jua. Orang-orang polis mesti ingat bahawa berapa peratuskah orang-orang yang demikian itu di negeri ini? Jawabnya sudah tentu sangat sedikit. Orang yang demikian janganlah kelambu dibakar kerana pepijat. Binasakanlah pepijat itu tetapi kelambu hendaklah diselamatkan.

Penyudahnya saya menyeru bahawa tertib, sopan santun budi pekerti dan akhlak yang baik daripada orang-orang ramai itu sahajalah yang dapat menjadi kepercayaan orang ramai kepada mereka. Apabila orang ramai ada menaruh kepercayaan ke atas orang-orang polis maka sudah tentulah negeri kita ini akan menjadi negeri yang aman dan sejahtera kerana orang ramai tentulah akan menolong mereka yang sedikit itu dengan bersungguh-sungguh bagi menghapuskan pengrosak-pengrosak keamanan itu mudah-mudahan rencana ini ada manfaatnya dan tidaklah kiranya saya dipandang memandai jua dan dalam masa saya memegang jawatan dahulu maka daya mensifatkan dirinya saya ialah hamba bagi orang ramai adanya.

Harap Perhati

Dalam keluaran Qalam bilangan 11 muka 4 berkenaan dengan pandangan puasa “barisan sepuluh dari bawah ruangan yang pertama bertulis :
... dan jika gelap puasa atas kamu ... “yang sebenarnya
“... dan jika gelap cuaca atas kamu ...” – dengan
ini harap di dalam di dalam perhatian pembaca – Pengarang.

SELAMAT HARI RAYA

BASHARAHIL BROS.

IMPORTERS & EXPORTERS

101, ARAB ST., S'PORE PHONE 82468

Berniaga kain-kain batik, kain pelikat

dan kain-kain sarung yang terkenal.